

Meningkatkan Peratus Penurunan HbA1c dalam Kalangan Pesakit Diabetes Mellitus yang Tidak Terkawal di Daerah Pendang

Category of study: District Specific Approach

Jamilah A¹, Tan XN¹, Tan SH¹, Nur Iryani G¹, Ruzita S¹, Kartiniwati A¹, Rashidan CR¹, Nor Zalee S¹, Norhisham Izani AA¹, Munizam AM², Norizan A².

¹Pejabat Kesihatan Daerah Pendang,

²Jabatan Kesihatan Negeri Kedah.

PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN:

Pada tahun 2017, 82% daripada 4727 pesakit diabetes di daerah Pendang mempunyai paras HbA1c tidak terkawal (>6.5%). Hal ini meningkatkan risiko pelbagai komplikasi vaskular. Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan peratus penurunan paras HbA1c pesakit diabetes tidak terkawal di daerah Pendang.

PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN:

Indikator yang digunakan untuk mengukur masalah ini ialah peratus pesakit diabetes tidak terkawal yang mempunyai penurunan paras HbA1c ($\geq 0.1\%$) selepas enam bulan rawatan dimulakan. Standard yang ditetapkan ialah 80%.

PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT:

Kajian hirisan lintang pre-intervensi dijalankan pada Jun-Disember 2017. Kad pesakit diabetes (n=96); diaudit untuk menilai paras penurunan HbA1c, penolakan insulin, pematuhan pesakit kepada ubatan dan pematuhan pegawai perubatan kepada Clinical Practice Guideline (CPG). Borang soal selidik digunakan untuk menilai pengetahuan, sikap dan amalan pesakit (n=96) serta anggota kesihatan (n=15) terhadap kawalan penyakit diabetes.

ANALISIS DAN INTERPRETASI:

Kajian pre-intervensi menunjukkan hanya 32.3% pesakit mengalami penurunan HbA1c ($\geq 0.1\%$); 75% mempunyai amalan yang tidak baik, 86.8% amalan pemakanan tidak baik, 91.7% tidak bersenam, 52% mengamalkan rawatan alternatif, 95% tidak mematuhi rawatan ubatan dan 17.7% menolak rawatan insulin. 96% pegawai perubatan memberi rawatan insulin kepada pesakit yang mempunyai paras HbA1c $\geq 10\%$ mengikut CPG dan 72.5% pegawai perubatan mematuhi CPG (rawatan farmakologi).

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN:

Klinik Diabetes Bersepadu (DOSC) yang menyediakan perkhidmatan pelbagai disiplin melibatkan *diabetes educator*, jurupulih anggota, jurupulih carakerja, pegawai farmasi dan pegawai perubatan/pakar perubatan keluarga, secara intensif, sistematik dan komprehensif pada sesi yang sama telah diwujudkan.

KESAN PENAMBAHBAIKAN:

Pesakit yang mengalami penurunan HbA1c meningkat dari 32.3% kepada 61% (Kitaran-1, Julai-Disember 2018, Achievable Benefits Not Achieved (ABNA) 19%) dan kepada 75.8% (Kitaran-2, Januari-April 2019, ABNA=4.2%). Amalan pemakanan yang tidak baik menurun kepada 21.3%, pesakit tidak bersenam menurun kepada 10%, pengamalan rawatan alternatif berkurang kepada 28%. Peratus pesakit yang menolak rawatan insulin menurun kepada 10%. Kepatuhan pesakit kepada rawatan meningkat dari 5% kepada 80%. Kepatuhan pegawai perubatan kepada CPG meningkat kepada 100%.

LANGKAH SETERUSNYA:

Konsep DOSC perlu dikembangkan untuk meningkatkan kualiti penjagaan dan kawalan diabetes.

299 patah perkataan